



[Home](#) / [2025](#) / [June](#) /

Program “Haematology Day” Anjuran UiTM Perkasa Kesedaran Kesihatan Darah dalam Kalangan Remaja

SINERGI

25/06/2025 / DR MOHD FADLY MD AHID



Jeram, 26 Mei 2025 – Pusat Pengajian Teknologi Makmal Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor Kampus Puncak Alam, dengan kerjasama Persatuan Pelajar Teknologi Makmal Perubatan (MELTECH), telah menganjurkan program “*Haematology Day*” bertempat di Sekolah Menengah Islam Hira’ (SMIH) dan Maahad Tahfiz Al-Quran Hira’ (MTQH), Jeram, Kuala Selangor.

Program ini melibatkan seramai 55 orang pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makmal Perubatan (Kepujian) sesi Mac – Ogos 2025, di bawah bimbingan dua pensyarah kanan iaitu Ts. Dr. Mohd Fadly Md Ahid dan Dr. Emida Mohamed. Seramai 300 pelajar daripada kedua-dua sekolah turut menyertai program ini sebagai peserta utama.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan awal dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan remaja berkenaan penyakit berkaitan sel darah seperti leukemia, talasemia dan anemia yang sering kali kurang difahami masyarakat. Program ini juga menekankan kepentingan pengenalan awal, implikasi kesihatan, serta kaedah rawatan dan pencegahan, khususnya melalui intervensi pemakanan seimbang dalam kalangan remaja.







Antara pengisian utama ialah ceramah kesihatan yang disampaikan oleh Dr. Norhayati Mustafa Khalid dari Pusat Penyelidikan Kardiovaskular, Diabetes dan Pemakanan (CDNRC), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Sesi ini memberi tumpuan kepada pengambilan nutrien penting seperti zat besi, vitamin, serat dan antioksidan bagi memelihara kesihatan darah. Turut diadakan ialah pameran poster interaktif, kuiz dan aktiviti pendidikan yang merangsang pemikiran pelajar.

Menurut Penasihat Projek, Dr. Mohd Fadly Md Ahid, program ini telah menerima sambutan dan maklum balas yang sangat positif daripada warga sekolah. Beliau menyatakan bahawa usaha mendidik masyarakat tentang penyakit berkaitan darah akan diteruskan di kawasan lain dalam masa terdekat, selari dengan komitmen UiTM untuk mendekatkan ilmu dari dewan kuliah ke lapangan masyarakat.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkasakan kesedaran kesihatan komuniti, malah melatih pelajar universiti dalam komunikasi berkesan, keyakinan diri dan kepimpinan. Majlis penutup turut diserikan dengan penyampaian cenderahati kepada wakil pihak sekolah, Pengetua Ustaz Isharuddin Ismail, sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan kerjasama menjayakan program.



Tags: [Fakulti Sains Kesihatan \(FSK\)](#), [Persatuan Pelajar Teknologi Makmal Perubatan \(MELTECH\)](#), [Pusat Pengajian Teknologi Makmal Perubatan](#), [Sekolah Menengah Islam Hira'](#), [UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

☐ Pelajar UiTM Selangor Sertai
Lawatan Akademik Antarabangsa ke
Shanghai, China

UCS Sambut Kunjungan Prasekolah
Permata Cilik Az-Zahrawi dalam ☐
Program Kembara Ibadah Cilik

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

